



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENILAIAN KOMPETENSI GURU DALAM
PENGAJARAN KEMAHIRAN MOTOR
HALUS MURID BERKEPERLUAN
PENDIDIKAN KHAS MASALAH
PEMBELAJARAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FARIZAN BINTI CHE MUSA

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2020**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENILAIAN KOMPETENSI GURU DALAM PENGAJARAN
KEMAHIRAN MOTOR HALUS MURID BERKEPERLUAN
PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN

FARIZAN BINTI CHE MUSA



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپنرسیتی قندیدیقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UPSI/IPS – 3/BO 32

Pind : 00 m.s : 1/1

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada15 (hari bulan)9 (bulan) 2020.

i. Perakuan pelajar :

Saya, FARIZAN BINTI CHE MUSA, NO. MATRIK : M20132001966, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA, dengan ini mengakui bahawa disertasi / tesis yang bertajuk PENILAIAN KOMPETENSI GURU DALAM PENGAJARAN KEMAHIRAN MOTOR HALUS MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.


.....
(FARIZAN BINTI CHE MUSA)

ii. Perakuan Penyelia :

Saya, NOOR AINI BINTI AHMAD dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENILAIAN KOMPETENSI GURU DALAM PENGAJARAN KEMAHIRAN MOTOR HALUS MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN dihasilkan oleh pelajar seperti mana di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperolehi IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS).

.....
Tarikh

.....
Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENILAIAN KOMPETENSI GURU DALAM PENGAJARAN
KEMAHIRAN MOTOR HALUS MURID BERKEPERLUAN
PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN

No. Matrik / Matric's No.: M20132001966

Saya / I: FARIZAN BINTI CHE MUSA

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.





PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah dengan izin dan limpah kurniaNya saya dapat menyelesaikan disertasi ini. Kesempatan ini saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof Madya Dr. Noor Aini Ahmad selaku penyelia kajian di atas bimbingan, nasihat dan semangat yang sentiasa diberikan. Tidak lupa juga penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada ayahanda dan bonda serta ahli keluarga saya kerana amat memahami dan sentiasa mendoakan kejayaan saya. Kerjasama dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, semua sekolah dan guru yang terlibat di Kuala Lumpur iaitu yang mengajar murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran amatlah dihargai serta sahabat-sahabat dan rakan seperjuangan yang membantu memberikan pendapat dan pandangan dalam kajian ini. Akhir sekali sekalung penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu sepanjang kajian ini dijalankan.





ABSTRAK

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk menilai kompetensi guru dalam pengajaran kemahiran motor halus bagi murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran. Berdasarkan Model Kompetensi Bungkah Ais Batu, tiga aspek kompetensi guru dipilih dalam kajian ini, iaitu kesedaran, pengetahuan dan kemahiran pengajaran. Objektif kajian juga untuk melihat hubungan antara kesedaran dan pengetahuan, pengetahuan dan kemahiran pengajaran guru serta kemahiran pengajaran dan kesedaran guru tentang kemahiran motor halus dalam pengajaran berdasarkan faktor demografi iaitu pengalaman mengajar pendidikan khas. Populasi kajian adalah terdiri daripada 437 guru Pendidikan Khas Integrasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Berdasarkan jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan, seramai 204 orang guru pendidikan khas telah dipilih secara persampelan rawak berlapis. Instrumen soal selidik berkonsepkan atas talian aplikasi *google form* digunakan bagi memperoleh data. Instrumen kajian telah disahkan oleh 11 orang pakar pendidikan khas. Nilai kebolehpercayaan instrumen menggunakan indeks Alfa Cronbach adalah $\alpha = 0.92$. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferens. Dapatan kajian menunjukkan responden percaya (min=4.44, sp=0.56) bahawa mereka memiliki kesedaran tentang kemahiran motor halus. Mereka juga bersetuju (min=4.07, sp=0.74) bahawa mereka memiliki pengetahuan serta kemahiran motor halus (min=4.19, sp=0.56). Dapatan kajian juga menunjukkan wujud hubungan yang lemah ($r=0.381$) antara kesedaran guru dengan pengetahuan guru serta hubungan yang sederhana ($r=0.531$) antara pengetahuan guru dengan kemahiran pengajaran guru. Dapatan kajian juga menunjukkan hubungan yang lemah ($r=0.320$) antara kemahiran pengajaran guru dengan kesedaran guru. Dapatan ujian ANOVA menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan [$F(4, 199)=4.812, p<0.001$] bagi kemahiran pengajaran guru berdasarkan lima kategori pengalaman mengajar terutama di antara kumpulan pengalaman 6-10 tahun dan 11-15 tahun dalam Program Pendidikan Khas Integrasi. Kesimpulannya, walaupun responden percaya bahawa mereka memiliki kesedaran tentang kepentingan kemahiran motor halus namun pengetahuan dan kemahiran pengajaran guru tentang motor halus perlu dipertingkatkan. Implikasi kajian menunjukkan pembangunan profesionalisme khususnya untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran motor halus dalam kalangan guru pendidikan khas perlu diwujudkan.





EVALUATING TEACHERS' COMPETENCY IN TEACHING MOTOR SKILL TO STUDENTS WITH SPECIAL EDUCATION NEEDS (LEARNING DISABILITIES)

ABSTRACT

The purpose of this survey research was to evaluate teachers' competency in teaching fine motor skill to students with special education needs (learning disabilities). Based on the Iceberg Competency Model, three competency aspects were chosen for the study, namely; awareness, knowledge and teaching skills. The research objectives were to observe the correlation between awareness and knowledge, knowledge and teaching skills as well as the knowledge, skills and awareness of teachers in teaching fine motor skill based on demographic factors which are experience of teaching in special education classes. Research population were 437 teachers from Integrated Special Education Program in Kuala Lumpur Federal Territory. Sample size was determined using Krejcie and Morgan Table, and 204 teachers were chosen using stratified sampling method. Data collection was done online using Google Form application. The research instrument was validated by 11 special education experts. Using the Alpha Cronbach Index, the reliability value of the instrument was $\alpha = 0.92$. Data were analyzed using descriptive and inferential statistics. Research findings showed that respondents believed (min=4.44, sp=0.56) that they are aware of fine motor skill. They agreed (min=4.07, sp=0.74) that they possess the knowledge and skills to teach fine motor skill (min=4.19, sp=0.56). The findings also showed that there is a weak correlation ($r=0.381$) between the teachers' awareness and knowledge, and a moderate correlation ($r=0.531$) between teachers' knowledge and teaching skills. The research also showed that there is a weak correlation ($r=0.320$) between teachers' teaching skills and awareness. ANOVA Test results showed that there is a significant difference [$F(4, 199)=4.812, p<0.001$] for respondents' teaching skills based on five teaching experience categories; particularly for teachers in the group of 6-10 years and 11-15 years of experience in teaching in Integrated Special Education Program. In conclusion, despite respondents agreeing that they have the awareness of the importance of fine motor skill, it is found that the knowledge and skills to teach such subject must be improved. Research implication includes there is a need to formulate a professional development program particularly in enhancing the knowledge and skills of teaching fine motor skill for special education teachers.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	9
1.4.1 Objektif Kajian	10
1.4.2 Soalan Kajian	10
1.4.3 Hipotesis Kajian	11
1.5 Kerangka Konseptual Kajian	12
1.6 Kepentingan Kajian	16
1.6.1 Kementerian Pendidikan Malaysia	16
1.6.2 Jabatan Pendidikan Negeri	17

1.6.3 Sekolah	17
1.6.4 Guru-guru Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran	18
1.7 Skop Kajian	18
1.8 Definisi Operasional	19
1.8.1 Kesedaran Guru	19
1.8.2 Pengetahuan Guru	19
1.8.3 Kemahiran Pengajaran Guru	20
1.8.4 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masala Pembelajaran	20
1.8.5 Kemahiran Motor Halus	20
1.9 Rumusan	21

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	22
2.2 Model Kompetensi Bungkah Ais Batu (<i>Iceberg Competence Model</i>)	22
2.3 Kemahiran Motor Halus Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran	26
2.4 Kesedaran Guru	32
2.5 Pengetahuan Guru	34
2.6 Kemahiran Pengajaran Guru	36
2.7 Rumusan	38

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	40
3.2 Reka Bentuk Kajian	40
3.3 Pensampelan Kajian	41

3.4	Instrumen Kajian	44
3.5	Kajian Rintis	53
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	56
3.6.1	Kesahan Instrumen Kajian	57
3.6.2	Kebolehpercayaan Instrumen	60
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	60
3.8	Prosedur Penganalisan Data	62
3.8.1	Analisis Deskriptif	63
3.8.2	Analisis Inferensi	64
3.8.2.1	Ujian T-test	64
3.8.2.2	Ujian ANOVA	65
3.8.2.3	Ujian Pekali Kolerasi	65

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	69
4.2	Kolehpercayaan Instrumen Kajian	70
4.3	Profile Responden	72
4.3.1	Bengkel atau Kursus Kemahiran Motor Halus yang Dihadiri	72
4.3.2	Pengalaman Mengajar di Kelas Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran	73
4.3.3	Kelulusan Ikhtisas	74
4.4	Taburan dan Kebolehpercayaan Data	74
4.4.1	Analisis Taburan Data	75

4.5	Analisis Deskriptif	76
4.5.1	Kesedaran Guru tentang kepentingan Kemahiran Motor Halus dalam Pengajaran	76
4.5.2	Pengetahuan Guru dalam Kemahiran Motor Halus	80
4.5.3	Kemahiran Pengajaran Guru tentang Kemahiran Motor Halus dalam pengajaran	83
4.6	Pengujian Hipotesis	85
4.6.1	Hubungan antara Kesedaran, Pengetahuan dan Kemahiran Guru tentang Kemahiran Motor Halus dalam pengajaran	86
4.6.2	Perbezaan antara Kesedaran Guru dengan Bengkel atau Kursus Kemahiran Motor Halus yang Dihadiri Sepanjang Tempoh Berkhidmat	87
4.6.3	Perbezaan antara Pengetahuan Guru dalam Kemahiran Motor Halus dengan Kelulusan Ikhtisas	88
4.6.4	Perbezaan antara Kemahiran Pengajaran Guru tentang Kemahiran Motor Halus dengan Pengalaman Mengajar di Kelas Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran	92
4.6.4.1	Analisis Post Hoc Kemahiran Pengajaran Guru	89
4.7	Kesimpulan	94

BAB 5 PERBICANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	95
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	95
5.2.1	Kesedaran Guru tentang kepentingan Kemahiran Motor Halus dalam Pengajaran	96

5.2.2	Pengetahuan Guru dalam Kemahiran Motor Halus	98
5.2.3	Kemahiran Pengajaran Guru tentang Kemahiran Motor Halus dalam pengajaran	100
5.2.4	Hubungan antara Kesedaran, Pengetahuan dan Kemahiran Guru tentang Kemahiran Motor Halus dalam pengajaran	103
5.2.5	Perbezaan antara Kesedaran Guru dengan Bengkel atau Kursus Kemahiran Motor Halus yang Dihadiri Sepanjang Tempoh Berkhidmat	104
5.2.6	Perbezaan antara Pengetahuan Guru dalam Kemahiran Motor Halus dengan Kelulusan Ikhtisas	105
5.2.7	Perbezaan antara Kemahiran Pengajaran Guru tentang Kemahiran Motor Halus dengan Pengalaman Mengajar	106

Di Kelas Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

5.3	Implikasi Kajian	107
5.4	Sumbangan Kajian	110
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	112
5.6	Kesimpulan	113
	Rujukan	114
	Lampiran	

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Bilangan Guru Sekolah Rendah di Program Pendidikan Khas Integrasi Pembelajaran	42
3.2 Penentuan Saiz Sampel	43
3.3 Peratusan Berdasarkan Pembahagian Mengikut Zon	44
3.4 Bilangan Sampel Berdasarkan Pembahagian Mengikut Zon	44
3.5 Bilangan Item	48
3.6 Perkara Item Soalan Digugurkan	48
3.7 Jenis Soal Selidik	50
3.8 Skala Pemeringkatan Likert	51
3.9 Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis	55
3.10 Perincian Pecahan Item dalam Soal Selidik	55
3.11 Nilai <i>Cronbach's Alpha</i>	57
3.12 Senarai Kesahan Pakar-pakar	60
3.13 Nilai Kesahan Pakar	60
3.14 Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis	61
3.15 Interpretasi Skor Data	63
3.16 Interpretasi Julat Min	64
3.17 Aras Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	66
3.18 Penganalisan Data	67
4.1 Koefisien Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Rintis dan Kajian Sebenar	70
4.2 Analisis Kebolehpercayaan Konstruk yang Dikaji	71

4.3	Analisis Purata Min dan Sisihan Piawai Kesedaran Guru	78
4.4	Analisis Purata Min Pengetahuan Guru	82
4.5	Analisis Purata Min Kemahiran Pengajaran Guru tentang Kemahiran Motor Halus	84
4.6	Korelasi Hubungan antara Kesedaran Guru, Pengetahuan Guru dan Kemahiran Guru.	86
4.7	Analisis Ujian-t antara Kesedaran dan Bengkel atau Kursus	88
4.8	Analisis Ujian-t antara Pengetahuan Guru dalam Kemahiran Motor Halus dengan Kelulusan Ikhtisas	89
4.9	Analisis Anova Sehalu antara Kemahiran Pengajaran Guru tentang Kemahiran Motor Halus dengan Pengalaman Mengajar	90
4.10	Analisis Ujian Post Hoc Kemahiran Pengajaran Guru dengan Tempoh Pengalaman Mengajar di Kelas Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran.	91
4.11	Rumusan Analisis Dapatan Persoalan dan Hipotesis Kajian Keseluruhan	93

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Model Kompetensi Bungkah Ais Batu (<i>Iceberg Competency Model</i>)	12
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	14
2.1 Model Kompetensi Bungkah Ais Batu (<i>Iceberg Competency Model</i>) (Spencer & Spencer, 1993)	23
3.1 Paparan utama soal Setiap Konstruk Soal Selidik <i>Google Form</i>	52
3.2 Paparan Utama Soal Selidik <i>Google Form</i>	62
4.1 Taburan Responden Menghadiri Bengkel atau Kursus Kemahiran Motor Halus	72
4.2 Taburan Responden Pengalaman Mengajar di Kelas Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran	73
4.3 Taburan Responden mengikut Kelulusan Ikhtisas	74
4.4 Plot Kumulatif Kebarangkalian bagi Residual Piawai	75



SENARAI SINGKATAN

KSSRPK	Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas Kebangsaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
IPS	Institut Pengajian Siswazah
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
WPKL	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur





LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Permohonan Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
(Kementerian Pendidikan Malaysia)
- C Permohonan Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
(Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
- D Nilai *Cronbach Alpha*
- E Nilai Kesahan Pakar





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Di Malaysia khususnya guru pendidikan khas boleh menyesuaikan rancangan kurikulumnya mengikut ketidakupayaan dan kemampuan muridnya yang termaktub dalam Akta Pendidikan (1996). Menerusi Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, Kurikulum Pendidikan Khas bermaksud kurikulum yang direka bentuk khusus dan apa-apa kurikulum latihan kemahiran yang sesuai dan bermanfaat bagi murid berkeperluan pendidikan khas.

Dalam Artikel 28 Akta Orang Kurang Upaya Malaysia 2008 menegaskan bahawa orang kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada sistem pendidikan umum atas asas ketidakupayaan, dan kanak-kanak kurang upaya tidak boleh





dikecualikan daripada pendidikan prasekolah, rendah, menengah dan tinggi, atas asas kesetaraan dengan orang atau kanak-kanak upaya, termasuk latihan vokasional dan pembelajaran sepanjang hayat malah perlu menyediakan penyesuaian munasabah yang sesuai dengan keperluan orang dan kanak-kanak kurang upaya dari segi antara lain, prasarana, kelengkapan dan bahan pengajaran, kaedah pengajaran, kurikulum dan bentuk sokongan lain yang memenuhi pelbagai keperluan orang atau kanak-kanak kurang upaya.

Di peringkat antarabangsa pula, pendidikan khas turut diberi perhatian dalam Persidangan *Salamanca Statement On Principles, Policy and Practice in Special Needs Education* di Salamanca, Spain (UNESCO 1994) Deklarasi Dunia mengenai Pendidikan Untuk Semua yang menyarankan pembentukan kurikulum berpusatkan keperluan murid. Setiap murid ada potensi mereka yang tersendiri, maka guru perlu bijak melihat murid mengikut keupayaan dan potensi diri murid tersebut dalam mengambil kira tahap dan juga keperluan murid, potensi-potensi yang sedia ada dalam diri murid-murid dapat dikembangkan dan juga ditingkatkan dengan lebih bermakna dan juga berguna kepada diri kelak (Azlan, 2010).

Elemen kemahiran motor halus merupakan yang penting ke arah kehidupan seharian dan asas kepada pencapaian akademik. Ekoran itu elemen ini adalah peringkat awal dalam menulis iaitu merupakan latihan dalam membina pengukuhan agar asas yang kukuh ini dapat membantu dalam pengajaran yang seterusnya. Kemahiran motor halus perlu dipupuk pada awal usia kanak-kanak agar mereka dapat menguasainya secara semula jadi (Mahzan Arshad, 2012).





Oleh itu, kemahiran motor halus amat penting bukan sahaja dalam akademik malah dalam kehidupan seharian. Sehubungan itu proses perkembangan motor halus yang optimum perlu diterapkan dan dipupuk di peringkat awal lagi. Peluang perlu diberikan kepada setiap murid walaupun penguasaan kemahiran motor halus memerlukan masa untuk diperkembangkan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Khas di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan untuk melahirkan insan yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sendiri sebagai seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas Kebangsaan (KSSRPPK) (Masalah Pembelajaran) dibina selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan berlandaskan prinsip-prinsip pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang pendidikan dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid dan pendidikan seumur hidup.

Dalam teras strategik Pelan Induk Pembangunan Pendidikan teras kedua bersifat holistik, tidak terlalu akademik dan tidak membebankan murid selaras dengan KSSRPPK (Masalah Pembelajaran) dan teras keempat merapatkan jurang pendidikan iaitu jurang antara pelajar normal dan berkeperluan khas. Anjakan ke-10 dalam Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) ialah memanfaatkan peluang kecekapan dengan mengagihkan peruntukan kepada bidang paling penting seperti peningkatan





kemahiran dan latihan guru. Ini menunjukkan kemahiran dan latihan guru dititikberatkan agar keberhasilan murid dapat dicapai.

Guru yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang khusus tentang murid yang berkeperluan khas diperlukan untuk membantu mereka dalam proses pembelajaran di sekolah. Sokongan daripada guru-guru yang terlatih dalam bidang berkaitan dapat melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran dan menambahkan keberkesanan pembelajaran mereka (Zalizan, 2009). Peningkatan dalam kemahiran motor halus menyumbang untuk kemahiran fungsi keseluruhan yang lebih baik dan kualiti hidup yang lebih baik serta intervensi meningkatkan kemahiran motor halus perlu bermula seawal yang mungkin (Memievic & Macak, 2014).



dalam kawalan otot antaranya mereka yang mempunyai masalah menggunakan tangan dan jari. Tangan dan jari mereka yang keras menyebabkan kesukaran memegang pensel dan gunting dengan betul (Mohd Zuri, 2014).

Menulis ialah satu aktiviti yang dikuasai oleh kanak-kanak secara semulajadi menerusi pencerapan mereka terhadap orang dewasa. Kanak-kanak juga akan menulis dan menconteng alat tulis tersebut pada permukaan yang rata dan kosong. Ini membuktikan bahawa mereka tahu perbuatan menulis ialah meninggalkan sesuatu kesan atau simbol pada permukaan yang kosong bagi sesuatu tujuan. Menulis ini berkait rapat dengan menggunakan motor halus.





Kawalan jari dan tangan amat mempengaruhi malah berkait rapat juga dengan pengamatan penglihatan dan koordinasi mata dan tangan. Oleh yang demikian, kemahiran motor halus amat penting kerana merupakan asas menulis malah dalam pembelajaran dan dalam menjalankan kehidupan seharian. Guru juga perlu ada kesedaran dalam perkembangan motor halus murid. Pengetahuan dan kemahiran diperlukan dalam membuat perancangan dalam pengajaran agar strategi, kaedah, teknik yang digunakan mengambil kira aspek kekuatan dan kelemahan murid.

1.3 Pernyataan Masalah

Objektif yang terdapat dalam komponen kurikulum sedia ada agak tinggi untuk murid bermasalah pembelajaran. Objektif perlu diselaraskan dengan kebolehan seseorang murid dan tahap keupayaan mereka yang bermasalah pembelajaran. Kesesuaian objektif biasanya ditentukan oleh guru kerana guru lebih memahami tahap keupayaan atau kebolehan murid-murid mereka (Mohd Zuri & Aznan, 2011).

Kemahiran asas motor ialah pengasingan jari iaitu keupayaan untuk bergerak setiap jari satu demi satu. Kedua penyelarasan tangan-mata iaitu keupayaan untuk pergerakan kawalan tangan berpandukan penglihatan. Prestasi motor juga berkaitan dengan tugas menulis (Pereboom, Peeters, Overvelde, Sanden & Steenbergen, 2015).

Gangguan dalam kemahiran asas motor memberi kesan ketara dalam kehidupan seharian dan pencapaian akademik (*American Psychiatric Association* (APA), 2013). Kemahiran motor yang kompleks seperti kemahiran motor halus harus





dimasukkan dalam program intervensi motor untuk meningkatkan kemahiran kognitif yang lebih tinggi (Irene, Sanne, Esther, Marije, Joanne & Chris V, 2014).

Kemahiran motor halus boleh ditakrifkan sebagai penyelarasan otot, tulang dan saraf untuk menghasilkan pergerakan yang tepat kecil (Kimmel & Ratliff, 2011). Kesulitan adalah disebabkan oleh gangguan dalam proses asas psikologi seperti ingatan, persepsi auditori dan visual, bahasa lisan, dan pemikiran (Learner & Johns, 2015).

Kemahiran motor adalah aspek penting untuk difahami oleh guru, ibu bapa dan terapis cara kerja iaitu kemahiran motor halus melibatkan otot-otot kecil seperti jari jemari (Mahfuzah, 2014). Latihan menggunakan pelbagai kemahiran motor termasuk kemahiran motor halus yang merupakan sebahagiannya disebabkan latihan secara tidak langsung contohnya koordinasi mata tangan dijalankan (Farhat, Hsairi, Baati, Engelsman, Masmoudi, Mchirgui, Triki, & Moalla, 2016).

Perkembangan kemahiran motor halus merangkumi pencapaian iaitu pantulan genggaman dan pergerakan tangan tetapi tidak berjaya menyentuh objek. Selain itu, koordinasi pergerakan pencapaian iaitu kawalan jari dan menggunakan mata untuk panduan, kemahiran motor bermula secara keseluruhan, membahagikan aktiviti dan menggerakkan ke arah menguasai pergerakan motor halus. Genggaman ulnar-palmar iaitu mula membuka tutup jari secara menyeluruh apabila mencapai objek dan genggaman pincer atau cubitan boleh mengawal setiap jari dan mempunyai kawalan yang melibatkan ibu jari dan jari telunjuk semasa mencapai objek (Rohani, 2001).





Kemahiran motor halus perlu dilatih berulang kali supaya otot-otot halus menjadi kuat untuk memegang pensel dan dapat memperkembangkan kemampuan melalui aktiviti seperti menggunting, memegang benda, melipat dan mewarnai (Mazlina, Norly, Azila & Loy, 2011). Selain itu, kanak-kanak perlu mempelajari urutan tindakan motor dengan betul dalam kehidupan seharian seperti memberus gigi, memakai pakaian, memasak roti dan mengikat tali kasut (Overvelde & Hulstijn, 2012). Banyak kesan dapat diperolehi daripada aktiviti-aktiviti yang melibatkan kemahiran motor halus (Schott, El-Rajab & Klotzbier, 2016).

Peluang pendidikan telah bertambah baik di seluruh dunia untuk kanak-kanak kurang upaya namun terdapat kebimbangan mengenai kesediaan guru iaitu kompetensi guru perlu ditingkatkan dalam pembangunan profesional dalam pendidikan khas (Cooc, 2019). Aspek pembangunan kompetensi perlu dibuat di peringkat awal pengajian agar dapat diamalkan dalam pengajaran (Prasertcharoensuk, Somprach & Tang, 2015). Proses pembangunan kompetensi dari segi pengetahuan, kemahiran dalam pembinaan ujian, kerjasama dalam berkongsi pengalaman di kalangan guru dan yang paling penting adalah mewujudkan kompetensi yang mampan (Jiraro, Sujiva & Wongwanich, 2014).

Pembangunan kompetensi dalam pendidikan guru amat penting untuk amalan pendidikan masa depan guru kerana ia mempunyai kesan mendalam terhadap hasil pembelajaran pelajar (Burgener & Barth, 2017). Pengetahuan mengenai hubungan antara kebolehan guru dan pengetahuan mata pelajaran dapat meningkatkan pemahaman guru pendidikan khas dalam membangunkan kompetensi diri mereka sendiri (Ekstam, Korhonen, Linnanmaki & Aunio, 2017).





Ciri pembangunan kompetensi profesional yang diperlukan antaranya kesedaran dalam profesion keguruan itu sendiri (Sirotova M., 2016). Kompetensi kesedaran dalam pedagogi akan mempertingkatkan keperibadian diri sendiri semasa latihan mengajar (Lasauskiene J. & Rauduvaite A., 2015).

Berdasarkan Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020 (2012b), kualiti guru merupakan salah satu faktor yang diberi tumpuan bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Peningkatan bilangan murid yang didiagnos masalah pembelajaran semakin meningkat hari ini dan keadaan ini digabungkan kesedaran yang lebih tinggi terhadap hak asasi manusia telah membawa kepada peningkatan permintaan untuk kaedah pengajaran yang berkesan (Antoniou & Kalinoglou, 2013). Kesan pengajaran dan pembelajaran membantu meningkatkan kesedaran guru tentang keperluan individu murid pendidikan khas (Ylonen & Norwich, 2012).

Sehubungan dengan itu tanpa latihan yang mencukupi akan menyebabkan guru kurang berkeyakinan dan tidak dapat melaksanakan tugas dengan efektif (Hasnah, Mohd Hanafi, Mohd Mokhtar & Noraini, 2010). Guru perlu latihan yang formal dan masa yang mencukupi untuk mendapatkan pengetahuan dan melaksanakan strategi dalam bilik darjah (Kapadia, 2014). Mengenal pasti adalah satu proses penting dalam mengesan kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran agar rawatan dan sokongan yang sesuai diperlukan (Pesova, Sivevska & Runceva, 2014).

Kajian kurang dibuat tentang aspek pengetahuan guru yang berbeza dan kemahiran yang berkaitan antara satu sama lain malah juga dalam kemahiran





pedagogi serta kandungan ilmu pengetahuan itu sendiri secara khusus (Blomeke, Busse, Kaiser, Konig & Suhl, 2016). Guru lepasan program latihan guru siswazah selama setahun yang berlatar belakang akademik luar dari bidang pendidikan ini setelah mengikuti latihan dalam perguruan membantu dalam meningkatkan pengetahuan kemahiran pedagogi dan secara praktikal (Caspersen, 2013). Pengetahuan isi kandungan pelajaran diubahsuai oleh guru bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid (Hobbs, 2012).

Memperbaiki kemahiran pengajaran adalah sangat penting untuk meningkatkan keupayaan dan motivasi serta saling berkait dengan pengalaman guru dalam menangani masalah yang timbul dalam bilik darjah (Saeedeh, Akbar, Habib & Ali, 2015). Guru mempunyai peranan dalam mengajar, mengetahui ciri-ciri dan tahap prestasi murid dan merancang cara mengajar (Katkat, 2014).

Penyelidik berpendapat bahawa satu kajian perlu dijalankan untuk mengkaji kompetensi guru iaitu kesedaran guru tentang kepentingan kemahiran motor halus dalam pengajaran, pengetahuan guru dalam kemahiran motor halus dan kemahiran pengajaran guru tentang kemahiran motor halus dalam pengajaran murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kompetensi guru iaitu kesedaran guru, pengetahuan guru dan kemahiran pengajaran guru dalam pengajaran kemahiran motor halus murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran.





1.4.1 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti kesedaran guru tentang kepentingan kemahiran motor halus dalam pengajaran;
2. Mengenal pasti pengetahuan guru dalam kemahiran motor halus;
3. Mengenal pasti kemahiran pengajaran guru tentang kemahiran motor halus dalam pengajaran;
4. Menentukan hubungan antara kesedaran, pengetahuan dan kemahiran guru tentang kemahiran motor halus dalam pengajaran;
5. Menentukan perbezaan antara kesedaran guru dengan bengkel atau kursus kemahiran motor halus yang dihadiri sepanjang tempoh berkhidmat;
6. Menentukan perbezaan antara pengetahuan guru dalam kemahiran motor halus dengan kelulusan ikhtisas dan
7. Menentukan perbezaan antara kemahiran pengajaran guru tentang kemahiran motor halus dengan pengalaman mengajar di kelas pendidikan khas masalah pembelajaran.



1.4.2 Soalan Kajian

1. Apakah kesedaran guru tentang kepentingan kemahiran motor halus dalam pengajaran?
2. Apakah pengetahuan guru dalam kemahiran motor halus?
3. Apakah kemahiran pengajaran guru tentang kemahiran motor halus dalam pengajaran?





4. Adakah terdapat hubungan antara kesedaran, pengetahuan dan kemahiran pengajaran guru tentang kemahiran motor halus dalam pengajaran?
5. Adakah terdapat perbezaan antara kesedaran guru dengan bengkel atau kursus kemahiran motor halus yang dihadiri sepanjang tempoh berkhidmat?
6. Adakah terdapat perbezaan antara pengetahuan guru dalam kemahiran motor halus dengan kelulusan ikhtisas?
7. Adakah terdapat perbezaan antara kemahiran pengajaran guru tentang kemahiran motor halus dengan pengalaman mengajar di kelas pendidikan khas masalah pembelajaran?

1.4.3 Hipotesis Kajian




Kajian ini memberikan tumpuan kepada empat hipotesis dari tujuh persoalan kajian iaitu:

- Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran, pengetahuan dan kemahiran guru tentang kemahiran motor halus dalam pengajaran.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesedaran guru dengan bengkel atau kursus kemahiran motor halus yang dihadiri sepanjang tempoh berkhidmat.
- Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan guru dalam kemahiran motor halus dengan kelulusan ikhtisas dan
- Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran pengajaran guru tentang kemahiran motor halus dengan pengalaman mengajar di kelas pendidikan khas masalah pembelajaran.



1.5 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka model yang digunakan dalam kajian ini ialah Model Kompetensi Bungkah Ais Batu (*Iceberg Competency Model*) oleh Spencer dan Spencer (1993) mentakrifkan kompetensi seseorang yang terpendam dan perkaitan dengan keberkesanan prestasi seseorang dalam situasi pekerjaannya.



Rajah 1.1. Model Kompetensi Bungkah Ais Batu (*Iceberg Competency Model*) (Spencer & Spencer, 1993)

Rajah 1.1 ialah Model Kompetensi Bungkah Ais Batu (*Iceberg Competency Model*). Menurut model ini kompetensi dibahagikan kepada dua iaitu yang mudah nampak (*visible*) dan terselindung (*hidden*). Analogi dalam model ini daripada Gunung Es yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu di atas permukaan air dan di bawah permukaan air. Di bahagian atas permukaan air ialah yang mudah nampak iaitu pengetahuan dan kemahiran. Ini merupakan secara teknikal.



Manakala di bawah permukaan air ialah yang terselindung iaitu motif, sifat dan konsep sendiri (sikap dan nilai dan kekuatan diri). Bahagian ini pula adalah sesuatu iaitu dalaman yang wujud dalam diri yang menggerakkan seseorang dalam mempamerkan tingkah laku. Kedua-dua bahagian ini merupakan elemen yang penting dan saling berhubungan.

Pengetahuan dan kemahiran perlu bagi seorang guru dalam menjalankan proses pengajaran. Pengetahuan ialah penguasaan ilmu yang diperoleh. Dalam konteks kajian ini pengetahuan merangkumi penguasaan dalam pedagogi, pemahaman kurikulum dan objektif yang hendak dicapai. Kemahiran sebagai kebolehan merujuk kepada kemahiran guru dalam bilik darjah dan dalam mengendalikan proses pengajaran. Kemahiran pengajaran guru juga dalam aspek strategi, kaedah, teknik dan aktiviti dalam pengajaran. Pengetahuan dan kemahiran ini saling berkait rapat.


Ciri-ciri peribadi dan nilai dalaman sukar dibangunkan kerana ianya bergantung kepada persekitaran yang mempengaruhinya dan atas kemahuan seseorang. Konsep sendiri (sikap, nilai dan kekuatan diri), sifat dan motif dalam model ini merupakan ciri peribadi yang tersembunyi. Dalam konteks kajian ini melihat sifat dan sikap iaitu kesedaran guru yang merupakan ciri dalaman yang ingin dilihat. Sifat dan sikap kesedaran yang wujud dalam diri seseorang akan dipamerkan dan di zahirkan melalui tingkah laku yang diingini.

Kesedaran adalah ciri yang terdapat dalam sifat dan sikap. sifat ialah satu watak yang kekal dan stabil dalam tingkah laku seseorang dan daripada sikap pula ialah merupakan nilai dan kepercayaan yang terdapat dalam konsep sendiri. Sifat dan



sikap ini akan menimbulkan kesedaran dari dalaman dalam menjalankan tanggungjawab dan sentiasa berusaha mempertingkatkan kekuatan diri dan profesionalisme guru.

Pengetahuan, kemahiran dan kesedaran ini saling melengkapi dalam menjalankan tanggungjawab sebagai guru dan murid dapat menguasai berdasarkan objektif yang ingin dicapai seperti yang telah dirancang.



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.2 adalah kerangka konseptual kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah gambaran keseluruhan dalam kajian. Kerangka konseptual kajian ini dibuat daripada Model Kompetensi Bungkah Ais Batu (*Iceberg Competency Model*) yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu yang mudah dilihat dan terselindung. Bahagian yang mudah dilihat ialah pengetahuan dan kemahiran. Manakala yang terselindung pula ialah kesedaran.



Aspek pengetahuan yang akan dilihat dalam kajian ini ialah untuk melihat pengetahuan guru dalam aspek pedagogi dan isi kandungan kurikulum dalam kemahiran motor halus serta hubungan pengetahuan guru dengan kelulusan ikhtisas yang telah dicapai. Contohnya penguasaan pengetahuan guru tentang kemahiran motor halus penting untuk mencapai objektif dalam pengajaran.

Bagi aspek kemahiran pula penyelidik melihat kemahiran pengajaran guru dalam pengajaran. Selain itu penguasaan strategi, kaedah, teknik dan aktiviti tentang kemahiran motor halus bersesuaian dengan tahap kebolehan dan kelemahan murid serta hubungan kemahiran guru tentang kemahiran motor halus dengan pengalaman mengajar di dalam kelas pendidikan khas masalah pembelajaran.



kedaran. Penyelidik berpendapat daripada sifat dan sikap ini boleh mewujudkan kesedaran kerana kepercayaan dan cara seseorang melihat dirinya sendiri. Ekoran itu akan wujud kesedaran dalam diri untuk tahu tanggungjawab dan mempertingkatkan peribadi diri sendiri seterusnya akan terbentuk tingkah laku sama ada positif atau negatif. Aspek kesedaran yang dilihat dalam kajian ini ialah kesedaran guru tentang kepentingan kemahiran motor halus dalam pengajaran serta hubungan kesedaran guru dengan bengkel atau kursus kemahiran motor halus yang dihadiri guru sepanjang dalam tempoh berkhidmat.

Melalui kerangka konsep kajian ini, terdapat tiga elemen pemboleh ubah yang mempengaruhi kemahiran motor halus dalam pengajaran iaitu pengetahuan guru, kemahiran pengajaran guru dan kesedaran guru. Penilaian ke atas ketiga-tiga





pemboleh ubah ini dapat mengenal pasti tahap kompetensi guru iaitu pengetahuan guru, kemahiran guru dan kesedaran guru tentang kemahiran motor halus dalam pengajaran di kalangan guru pendidikan khas masalah pembelajaran dan seterusnya membawa kepada penguasaan kemahiran motor halus di kalangan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk mengetahui hasil dapatan pengetahuan guru, kemahiran guru dan kesedaran guru tentang kemahiran motor halus dalam pengajaran murid berkeperluan pendidikan khas untuk dijadikan sebagai sumber rujukan dan sumbangan kepada pihak yang berkaitan.



1.6.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Hasil dapatan diharap dapat membantu membuat penambahbaikan dalam kurikulum Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPPK) Bermasalah Pembelajaran penguasaan kemahiran motor halus dalam merentas kurikulum dalam semua mata pelajaran. Seterusnya, penggubalan semula kurikulum diteliti semula mengikut keperluan murid berkeperluan pendidikan khas. Selain itu memberi peluang kepada guru menambahkan pengetahuan dan kemahiran serta meningkatkan kesedaran melalui kursus-kursus sama ada di dalam dan luar negara.





Institut Pengajian Tinggi dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) juga disarankan memberi pendedahan tentang kepentingan kemahiran motor halus pada peringkat awal persekolahan. Pendedahan dapat memberi gambaran keperluan dan penguasaan yang asas amat penting dalam perkembangan kemahiran motor halus.

1.6.2 Jabatan Pendidikan Negeri

Melalui kajian ini dapat memberi gambaran kompetensi guru iaitu pengetahuan guru, kemahiran guru dan kesedaran guru tentang kepentingan kemahiran motor halus perlu ditingkatkan dan memberi kesan kepada murid berkeperluan pendidikan khas serta saling berkait rapat untuk meningkatkan profesionalisme guru dalam penguasaan kemahiran motor halus. Pemantauan dari masa ke masa oleh Pejabat Pendidikan Wilayah dan Jabatan Pendidikan Negeri akan dapat melihat sendiri masalah yang dihadapi oleh guru dan perkembangan pelaksanaan kemahiran motor halus dalam pengajaran. Selain itu perbincangan juga amat digalakkan agar dapat mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta bertukar pengalaman dalam kemahiran motor halus ini. Secara tidak langsung dapat juga meningkatkan kesedaran kepentingan kemahiran motor halus dalam diri guru itu sendiri.

1.6.3 Sekolah

Melalui kajian ini, pihak sekolah akan lebih peka dan prihatin terhadap usaha meningkatkan pengetahuan guru, kemahiran guru dan kesedaran guru tentang





kemahiran motor halus dalam pengajaran. Selain itu juga membantu dalam pembelian peralatan yang bersesuaian dalam melaksanakan aktiviti untuk meningkatkan kemahiran motor halus. Sentiasa mengadakan PLC (Professional Learning Community) bersama rakan sejawat untuk meningkatkan penguasaan kemahiran motor halus murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran.

1.6.4 Guru-guru Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

Kajian yang akan dijalankan ini diharap dapat memberi manfaat kepada guru-guru pendidikan khas masalah pembelajaran khususnya tentang kepentingan pengetahuan, kemahiran dan kesedaran tentang kemahiran motor halus. Aktiviti kemahiran motor halus yang dirancang oleh guru perlu bersesuaian dan lebih terperinci. Guru mengaplikasikan strategi, kaedah dan teknik dengan jenis kelemahan khusus yang dihadapi oleh individu murid berkenaan. Penilaian dan pentaksiran aspek kelemahan dan kekuatan murid akan dapat dilihat juga melalui kajian ini.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di semua sekolah rendah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Pembelajaran di Kuala Lumpur. Kajian ini memusatkan guru yang mengajar murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran sahaja. Sampel dalam kajian ini seramai 204 orang guru.





1.8 Definisi Operasional

Definisi operational yang diterangkan di sini adalah maksud dalam konteks kajian ini. Definisi merangkumi maksud keseluruhan dalam memahami dan digunakan dalam kajian ini.

1.8.1 Kesedaran Guru

Perkembangan guru dipengaruhi jenis kesedaran yang tersirat dan jelas perlu dipupuk dalam pelbagai cara (Hedgcock & Lee, 2017). Dalam konteks kajian ini, kesedaran yang wujud dalam diri seorang guru akan ditunjukkan melalui tingkahlaku dalam mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai kepentingan kemahiran motor halus dalam pengajaran murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran.

1.8.2 Pengetahuan Guru

Guru harus mempunyai pengetahuan dan menguasai pelajaran yang di ajar serta mengetahui pedagogi dalam pengajarannya (Noor Azlan & Hasriani, 2010). Pengetahuan boleh difahami sebagai hubungan antara rangsangan dan idea sama ada secara langsung atau kompleks (Gomez, Nunez, Gomez & Trapero, 2015). Dalam konteks kajian ini pengetahuan isi kandungan kurikulum dan pedagogi yang dimiliki





oleh guru dalam kemahiran motor halus perlu difahami dan dikuasai untuk diaplikasikan dalam pengajaran.

1.8.3 Kemahiran Pengajaran Guru

Melatih para guru tentang kemahiran yang diperlukan adalah penting untuk mengenal pasti dengan berkesan untuk memperbaiki dan mengatasi kesukaran dalam pembelajaran (Jeder, 2014). Dalam konteks kajian ini guru berkemahiran dan berkebolehan dalam strategi, kaedah dan teknik dalam pengajaran dan memudahkan latihan serta aktiviti dalam kemahiran motor halus kepada murid pendidikan khas masalah pembelajaran dengan penekanan fleksibiliti mengikut tahap keupayaan dan kemampuan setiap murid.



1.8.4 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

Menurut Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) (2013), murid berkeperluan pendidikan khas bermaksud murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi, mengikut mana-mana yang berkenaan sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan antaranya masalah pembelajaran. Dalam konteks kajian ini murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran ialah murid yang belajar di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Pembelajaran. Murid ini





mempunyai ketidakupayaan atau kekurangan dalam penguasaan kemahiran motor halus.

1.8.5 Kemahiran Motor Halus

Kemahiran asas motor halus adalah gengaman pensel, koordinasi mata tangan dan kekuatan tangan dan jari (Roger & Wright, 2015). Dalam konteks kajian ini melihat pengawalan jari-jari tangan seperti pergerakan pada jari tangan dalam melakukan aktiviti kemahiran motor halus dalam proses pengajaran seterusnya murid boleh mengaplikasikan dalam kehidupan seharian.



1.9 Rumusan

Bab ini telah membincangkan asas dalam kajian ini. Di bahagian objektif telah dinyatakan secara terperinci matlamat yang hendak dicapai. Persoalan kajian dijawab berdasarkan objektif yang telah dinyatakan. Hipotesis kajian melihat dengan lebih mendalam berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan. Seterusnya kajian ini dijalankan berdasarkan kerangka konseptual kajian yang telah dibina meliputi skop kajian yang telah ditetapkan dan dipilih. Penyelidik berharap kepentingan kajian dapat memberi manfaat kepada semua pihak. Bab seterusnya membincangkan model dan kajian literatur yang berkaitan dalam kajian ini.

